

# Pertabalan Sultan di-sempurnakan ikut adat lama

27 OCT 1963

KUALA KANGSAR, Sabtu.

ISTIADAT pertabalan Sultan Perak, Raja Idris Shah ibni Sultan Iskandar, telah di-sempurnakan di-Istana Iskandariah pagi ini dengan penoh kebesaran dan mengikut ada istiadat dahulu kala.

Istiadat bersejarah pertabalan pertama sa-orang Sultan di-negeri ini selepas Malaysia telah di-hadhiri oleh Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman yang mewakili Yang di-Pertuan Agong, wakil2 Yang di-Pertuan Negara Singapura, Sabah dan Sarawak serta wakil2 Sultan Brunei orang2 kenamaan dan diplomat2 asing.

Istiadat itu di-jalankan mengikut adat zaman dahulu kala dalam tahun 1528.

B. M.

Istiadat ini di-jalankan di-bilik singgahsana yang di-hadhiri oleh lebih 500 orang.

Upacara di-mulakan pada kira2 jam 10.40 pagi.

Upacara pertabalan itu di-dahului oleh upacara menyerahkah pedang Kerajaan bernama "Chura Si-manjakini" oleh Dato C. M. Yusof bergelar Dato Bendahara Perak.

## Terima keris


Sa-baik sahaja keris tersebut di-terima oleh Baginda, maka dengan perasaan khusuk Baginda telah menguchupnya dan kemudian menyandangnya di-bahu kanan baginda sendiri.

Tembakan meriam 21 das kemudian di-lepaskan. Di-ikuti dengan istiadat merentiskan ayer mawar yang di-dahului oleh Raja Ngah Ali bergelar Raja Chik di-ikuti oleh Raja Perempuan Kalthum bonda Baginda dan Tengku Perdana Menteri mewakili Yang di-Pertuan Agong.

Uchapan ta'at setia oleh wakil2 ra'ayat telah di-bachakan oleh Menteri Besar Perak, Dato Sha'ari bin Shafie, dan bagi pehak Kerajaan dan Orang2 Besar oleh Dato C. M. Yusof.

Doa selamat kemudian telah di-bachakan oleh pemangku Mufti Perak Tuan Haji Abd. Hassan.

## Kurnia dari Sultan



28 OCT 1963

B. H.

SULTAN Perak menyerahkan piagam yang mengurniakan gelaran Raja Perempuan kepada permaisuri-nya, Raja Muzwin binte Raja Ariff Shah. — Gambar Berita Harian.